

**AIR NAIK...seorang lelaki  
menaiki basikal mengharungi  
banjir kilat di Bandar Puteri,  
semalam. - Gambar RAFIDAH  
MAT RUZKI**



# RUMAH DINAIKI AIR KETIKA TIDUR

**Oleh Mohd Nur Asnawi**

**Daud**  
asnawi@hmetro.com.my

KLANG: Penduduk di beberapa kawasan di daerah ini sedang tidur apabila rumah mereka dinaiki air akibat hujan lebat awal pagi semalam.

Hujan lebih empat jam itu menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air sehingga ke paras lutut.

Dianggarkan kira-kira 30 hingga 40 rumah di Kampung Baru AC Batu 7, Kampung Jalan Kebun, di sini, dinaiki air.

Tinjauan mendapati penduduk yang mengalami banjir sibuk membersihkan rumah selepas banjir surut kira-kira jam 10 pagi.

Bagaimanapun, difahamkan, tiada penduduk yang dipindahkan dalam kejadian itu.

Jurucakap Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berkata, kawasan yang dinaiki air meliputi Kampung Jalan Kebun, Kampung Kebun Bunga, Taman

Botani, Kampung Johan Setia, Taman Sentosa dan Taman Saujana.

Seorang penduduk, N Sugati, berkata dia gagal menyelamatkan peralatan rumah menyebabkannya rosak dan mengalami kerugian kerana air naik mendadak.

"Saya minta pihak berkenaan me-

mantau sistem perparitan agar masalah banjir kilat ini dapat diatasi di masa depan," katanya.

Hujan lebat selama beberapa jam itu bagaimanapun tidak menyebabkan Taman TTDI Jaya di Shah Alam, yang dilanda banjir besar 26 Februari lalu, dinaiki air.



**REDAH...seorang penduduk memberanikan diri melalui jalan yang dinaiki air di Taman Sentosa, semalam.**